

Taman Pertanian Sabah patut dipromosi

BH 26 MAR 2001

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Taman Pertanian Sabah di Lagud Sebrang, Tenom, yang disifatkannya bertaraf dunia dipromosikan ke peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, taman itu harus dikedepankan kerana ia adalah taman pertanian tercantik di dunia yang pernah dilawatnya.

"Saya sudah melawat banyak taman pertanian lain seluruh dunia dan dapati ia tidak dapat menandingi kecantikan yang ada di Taman Pertanian di Tenom.

"Oleh itu, saya mengesyorkan ia menjadi salah satu produk pelancongan

untuk menarik kedatangan pelancong asing ke Sabah, manakala Kerajaan Pusat akan membantu bagi memastikan ia dapat dilihat di seluruh dunia," katanya ketika berucap sebelum meletakkan batu asas pembinaan Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah di Teluk Likas, di sini.

Perdana Menteri yang tiba semalam juga berkata, banyak potensi dan produk pelancongan menarik di Sabah dapat dibangunkan selepas Barisan Nasional (BN) memerintah semula kerajaan negeri.

Ketika bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke Kuala

Lumpur petang ini, Dr Mahathir sekali lagi meminta supaya media tempatan mengambil peranan mempromosikan Taman Pertanian Sabah itu.

"Ia sebuah taman tercantik di dunia yang pernah saya lihat. Saya rasa dukacita kerana orang Malaysia sendiri tak ambil perhatian. Akhbar Malaysia tidak pernah melaporkan mengenainya hingga saya tidak tahu mengenai kewujudan taman itu," katanya.

Sambil meminta media tempatan memberi perkhidmatan yang positif selain menulis mengenai keburukan, beliau berkata Sabah mempunyai produk pelancongan yang se-

harusnya menarik perhatian pelancong dan bagaimana membantu membangunkan negara.

"Tulis artikel mengenai Taman Pertanian Sabah bagi membantu mempromosikannya," katanya.

Pada sidang akhbar sama, Dr Mahathir ditanya mengenai kenyataan Cuepacs mengenai Sistem Saran Baru (SSB) dan memorandum mengenai gaji yang dikatakan dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Perdana Menteri berkata, beliau mengadakan perbincangan dengan Cuepacs berikutan terdapat banyak bantahan dan rasa tidak puas hati selepas 10 tahun ia dilaksanakan.